

Fahami 'paria' dimaksudkan Dr M

Muhyiddin gesa pihak tertentu tidak bertindak emosi kaitkan kasta India

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@nstp.com.my

Putrajaya: Pihak tertentu dinasihatkan tidak terlebih emosi, sebaliknya bersikap rasional dan memahami konteks sebenar penggunaan perkataan 'paria'.

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata perkataan 'paria' membawa maksud berbeza dalam bahasa Inggeris dan ia tidak merujuk kepada kasta orang India.

"Dalam bahasa Inggeris berbeza (maksud) 'paria' ini bukan pasal 'paria' India, pasal awak ini tidak boleh berfikir, itu maksudnya. Kita tidak tahu dalam konteks apa dimaksudkan Perdana Menteri.

"Jadi, jangan terlebih emosi, jadi rasional, laporan polis dibuat terhadap Perdana Menteri tidak wajar, mungkin ada salah tafsir, patut tanya balik kepada Perdana Menteri, apakah (maksud) yang dia ucapkan.

"Bila masing-masing tidak puas hati, mereka buat laporan, kemudian jadi kerja saya pula untuk siasat," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-62 peringkat Kementerian Dalam Negeri (KDN), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador.

Beliau berkata demikian mengulas satu laporan polis yang dibuat ahli PKR kelmarin, terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad atas penggunaan perkataan 'paria' dalam sebuah majlis di Kuala Lumpur Isnin

lalu, yang didakwa mereka sebagai mengguris perasaan kaum India.

Pada majlis itu, Dr Mahathir dilaporkan berkata kilang nadir bumi, Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas) tidak boleh dilayan seperti 'paria' dan digesa menghentikan operasi serta keluar dari Malaysia.

Sehubungan itu, V Maneyvannan bersama tiga individu mewakili PKR Kapar, menuntut Perdana Menteri memohon maaf secara terbuka kepada semua rakyat Malaysia dan menggesa Ketua Polis Negara serta KDN mengambil tindakan sewajarnya dengan segera.

Dalam perkembangan lain, Muhyiddin berkata, mesyuarat Kabinet hari ini akan membincangkan dakwaan bahawa pemerhatian mengenai kadar kemiskinan dalam negara adalah tidak tepat.

Katanya, anggota Kabinet akan melihat sama ada benar dakwaan dibuat Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Berhubung Kemiskinan Tegar dan Hak Asasi Manusia, Prof Philip Alston itu.

"Saya sememangnya harap (ada penjelasan) rakan saya, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, yang mempunyai data dan angka dibawa dalam mesyuarat," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas laporan Alston minggu lalu, mengatakan laporan rasmi bahawa kadar kemiskinan di negara ini hanya pada kadar 0.4 peratus adalah tidak tepat, sebaliknya hampir sama dengan negara lain, iaitu pada kadar kira-kira 15 peratus.

Sementara itu, Abdul Hamid ketika ditemui pemberita pada majlis sama, menegaskan adalah perkara biasa jika pembangkang cuba melemahkan kerajaan memerintah dan menyifatkannya perkara biasa apabila tampuk pemerintahan dan kerajaan berubah.